

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

DURIAN TUNGGAL, MELAKA.

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)** yang dimiliki 100% oleh rakyat Malaysia dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :

Bil	No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Lesen Pendaftaran	Lawatan Tapak & Taklimat	Tempat, Tarikh & Dokumen Mulai Dijual	Tempat, Tarikh & Waktu Tutup Sebut Harga
1.	UTeM052/ BIT KESELAMATAN /2011	SEBUT HARGA BAGI CADANGAN MEMINDAHKAN BIT KESELAMATAN SEDIA ADA TERMASUK LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI KAMPUS INDUK, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA	Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Di Bawah Kelas F Kepala II Sub-Kepala 1 (Sila bawa Sijil ASAL)	Tarikh & Masa : 24 Ogos 2011 (9.30 pagi) Tempat : Lobi Utama Pej.Pembangunan Kampus Induk UTeM (Kedatangan dan Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN)	Unit Perolehan, Pej. Bendahari Bangunan Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka 24 Ogos 2011 hingga 9 September 2011	Unit Perolehan Pej. Bendahari Bangunan Canselori Kampus Induk UTeM Durian Tunggal Melaka 12 September 2011 (sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari)

Nota : Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang namanya tercatat dalam Surat Pendaftaran Asal Pusat Khidmat Kontraktor sahaja. Wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa bersama **Sijil Asal** dari **Pusat Khidmat Kontraktor**. Wakil-wakil kontraktor yang namanya tidak tercatat dalam Surat Pendaftaran Asal PKK, hendaklah membawa bersama **Surat Asal Perwakilan Kuasa yang sah** dari syarikat masing-masing. Wakil-wakil kontraktor hendaklah merupakan **Pegawai Ekskutif Syarikat**.

2. Naskah Meja Sebut harga akan dipamerkan mulai **19 Ogos 2011** hingga **9 September 2011** semasa waktu pejabat seperti berikut :

Hari	Waktu	Tempat
Isnin hingga Khamis	8.15 pagi hingga 12.30 tengahari 2.30 petang hingga 4.30 petang	Unit Perolehan, Pejabat Bendahari Bangunan Canselori Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Jumaat	8.15 pagi hingga 12.00 tengahari 3.00 petang hingga 4.30 petang.	Kampus Induk 76100 Durian Tunggal Melaka.

3. Dokumen Sebut Harga ini akan dikeluarkan dan dijual pada **24 Ogos 2011** selepas lawatan tapak & taklimat mengikut waktu-waktu seperti yang tersebut di perenggan 2 di atas sehingga **9 September 2011** dengan bayaran **RM10.00** senaskah secara **Tunai / Wang Pos/ Kiriman Wang / Bank Draf** atas nama **Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka**. Dokumen Sebut Harga tidak akan dikeluarkan selepas tempoh ini tamat.
4. Semua pembekal dimestikan berdaftar dengan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan melayari laman web UTeM Sistem Pendaftaran Syarikat (ROC) di <http://portal.utem.edu.my/smpportal/clmin/defROC.htm> . Borang Perakuan pendaftaran syarikat lengkap dengan profil syarikat hendaklah dihantar semasa mengemukakan dokumen Sebut Harga.
5. Sebut Harga ini akan ditutup pada **12 September 2011**. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Unit Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Bangunan Canselori, Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka**, tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada hari tersebut.
6. Iklan Sebut Harga ini boleh dilayari melalui laman web kami di <http://www.utem.edu.my/perolehan/perolehan.html>. keterangan lanjut sila hubungi Unit Perolehan.


RAZAMAN B. KASIM
Akauntan
Pejabat Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**UNIT PEROLEHAN
PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
Tel : 06 – 331 6091 / 6322 / 6093 / 6095
Faks : 06 – 331 6296**